

Headline	UKM bangkit rampas pendahulu Liga IPT		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Apr 2014	Color	Black/white
Section	Sukan	Circulation	138,805
Page No	45	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	127 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,227
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,682



UKM bangkit rampas pendahulu Liga IPT

Kuala Lumpur: Beberapa kejutan berlaku membabitkan saingan Divisyen Satu dan Dua dalam Liga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang berlangsung hujung minggu lalu.

Selepas permulaan agak perlahan termasuk seri perlawanan pertama dan tewas aksi kedua, pasukan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tiba-tiba bangkit.

Pasukan ini menewaskan Kolej Komuniti Kedah (KK Kedah) 2-1, Sabtu lalu sekali gus melonjak ke tangga teratas Divisyen Satu untuk memintas pendahulu sebelumnya, UiTM Shah Alam yang dikejutkan dengan kekalahan 2-0 oleh Kolej Komuniti Pahang (KK Pahang).

Banyak ruang

“Walaupun tiga mata diraih tapi saya lihat masih banyak ruang perlu diperbaiki. Gandingan tampak belum serasi namun kami

mula mendaki agak perlahan tapi meyakinkan,” kata pengendali UKM, Sulaiman Hussin.

Juara bertahan, pasukan UiTM Perlis pula terpaksa gigit jari apabila pulang hampa se-

lepas tunduk 0-1 kepada Politeknik Kota Bharu (PKB) yang sekali gus menyaksikan mereka menjunam ke tangga kelima.

“Saya sedang menganalisis punca kemerosotan mendadak pemain,” kata jurulatih UiTM Perlis, Manja Man.

KEPUTUSAN	
Divisyen Satu	
PKB...	1 UiTM Perlis... 0
UKM...	2 KK Kedah... 1
KK Pahang...	2 UiTM S Alam... 0
UM...	2 KK Perak... 3

	KEDUDUKAN						
	P	M	S	K	J	B	Mt
UKM	5	3	1	1	8	5	10
UiTM S Alam	5	3	0	2	10	5	9
Poli KB	5	2	2	1	5	5	8
KK Pahang	4	2	1	1	7	4	7
UiTM Perlis	4	2	1	1	5	2	7
KK Kedah	5	1	2	2	9	10	5
UM	5	1	1	3	6	10	4
KK Perak	5	1	0	4	6	15	3